

05 DEC 1998

Koh - Pasaran

SEMUA PIHAK BERPERANAN WUJUDKAN PASARAN SAHAM YANG LEBIH MATANG

PULAU PINANG, 5 Dis (Bernama) -- Semua pihak yang terbabit dalam kegiatan pasaran modal dan saham perlu memainkan peranan mewujudkan pasaran saham yang lebih matang, mantap dan mampan, kata Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau berkata remisier, firma saham, broker dan pelabur harus memainkan peranan untuk memulihkan keyakinan para pelabur terhadap pasaran saham dan modal tempatan.

Katanya, kepentingan pelabur runcit harus dilindungi dan perubahan perlu dilakukan dalam keseluruhan sistem pasaran, sama ada kewangan atau modal tempatan agar spekulator tidak lagi dapat menyerang sistem itu.

Ketika berucap merasmikan forum "Ke Arah Pemantapan Modal Bumiputera" anjuran bersama Persatuan Remisier Bumiputra Malaysia (PRIBUMI) dan Suruhanjaya Sekuriti di sini, beliau berkata, sepanjang tempoh 18 bulan lalu ramai orang berada dalam kesusahan akibat perbuatan spekulator asing.

Katanya, kegiatan spekulasi di pasaran saham dan sektor kewangan menyebabkan ramai orang yang menjadi "miskin dan menderita" akibat ketamakan golongan itu, yang bermaharaja-lela mengaut keuntungan atas kepedihan orang lain.

Koh berkata, spekulator menjadikan pasaran modal dan kewangan sebagai "kasino" untuk mereka berjudi dan memperolehi wang dengan cara yang mudah, dan mengetepikan hakikat bahawa perbuatan itu tidak bermoral.

Katanya, tujuan asal kegiatan pasaran modal dan matawang, ialah untuk memudahkan urusan perdagangan dan perkhidmatan, bagaimanapun ia telah dipesongkan dari haluan sebenar dan kini kira-kira lima peratus sahaja urusniaga itu dijalankan mengikut cara yang sebenarnya.

Beliau mengecam tindakan spekulator asing George Soros, yang cuba campur tangan dalam urusan pentadbiran dan politik negara ini, dan beliau mahu Soros disingkirkan daripada sistem pasaran kewangan dan modal dunia.

Katanya, Soros dan rakan-rakannya merupakan "penindas besar" yang harus diketepikan kerana mereka sebenarnya adalah "pembunuh negara, ekonomi dan kebajikan rakyat" di negara-negara kecil, seperti Malaysia.

Koh berkata, biarlah rakyat menentukan apa yang mereka mahu di negara ini, dan tidak bijak bagi Soros untuk campur tangan dan meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad digantikan, kerana beliau dipilih rakyat melalui sistem demokrasi, manakala Soros tidak dipilih oleh sesiapa dan dia tidak bertanggungjawab kepada sesiapa melainkan ketamakan diri sendiri.

-- BERNAMA

ZU RI